



Ruj. Kami : KKM.600-37/1/3()

Tarikh : 11 Julai 2016

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

ARAHAN BAGI MEWUJUDKAN UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI SEMUA HOSPITAL DAN INSTITUSI PERUBATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Program Perubatan prihatin akan bahaya (*hazard*) yang mungkin terjadi di hospital dan institusi perubatan sama ada *hazard* dari segi fizikal, bahan kimia, biologi, ergonomik atau psikososial. Sebagai makluman, berdasarkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Seksyen 30), sesebuah fasiliti yang mempunyai lebih dari 40 orang pekerja haruslah menubuhkan satu jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja tersebut.
3. Susulan itu, selaras dengan Teras 2 Strategik Nasional RMK-11 dan Pelan Transformasi Perkhidmatan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui pelaksanaan langkah strategik dalam memantapkan organisasi dan merekayasa proses kerja, setiap Hospital atau Institusi Perubatan di Program Perubatan perlu menubuhkan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Satu garis panduan turut disediakan sebagai panduan dalam mewujudkan unit ini (rujuk lampiran I).
4. Bagi hospital atau institusi perubatan yang telah memiliki unit ini, pengukuhan aktiviti perlu dilaksanakan bagi memantapkan lagi aspek keselamatan pekerjaan di peringkat hospital seterusnya dapat meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 4702

5. Adalah dimaklumkan bahawa, penubuhan unit yang baru ini adalah **tidak melibatkan implikasi kewangan dan menggunakan perjawatan sedia ada.** Untuk sebarang pernyataan berhubung dengan penubuhan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini, sila hubungi:

- Dr. Siti Sara binti Yaacob : 03-88831188 / 012-9529444
- Dr. Mohd Syazmin Zuwairy Bin Mohd Sharial : 03-88831193
- Dr. Mohd Khairul Anwar Kamdi : 03-88831193 / 013-2997074
- Sr. Rafeah binti Mohd Rashid : 03-88831243 / 013-5031616

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK DR. JEYAINDRAN TAN SRI SINNADURAI)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

sk: - Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur / Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

SENARAI EDARAN

Perlis

1. Pengarah Hospital
Hospital Tuanku Fauziah

Kedah

1. Pengarah Hospital
Hospital Sultanah Bahiyah
2. Pengarah Hospital
Hospital Sultan Abdul Halim
3. Pengarah Hospital
Hospital Kulim
4. Pengarah Hospital
Hospital Langkawi
5. Pengarah Hospital
Hospital Baling
6. Pengarah Hospital
Hospital Jitra
7. Pengarah Hospital
Hospital Kuala Nerang
8. Pengarah Hospital
Hospital Sik
9. Pengarah Hospital
Hospital Yan

Pulau Pinang

1. Pengarah Hospital
Hospital Pulau Pinang
2. Pengarah Hospital
Hospital Seberang Jaya
3. Pengarah Hospital
Hospital Balik Pulau
4. Pengarah Hospital
Hospital Sg.Bakap
5. Pengarah Hospital
Hospital Kepala Batas
6. Pengarah Hospital
Hospital Bukit Mertajam

Perak

1. Pengarah Hospital
Hospital Raja Permaisuri Bainun
2. Pengarah Hospital
Hospital Taiping
3. Pengarah Hospital
Hospital Teluk Intan
4. Pengarah Hospital
Hospital Sri Manjung
5. Pengarah Hospital
Hospital Slim River
6. Pengarah Hospital
Hospital Gerik
7. Pengarah Hospital
Hospital Kuala Kangsar
8. Pengarah Hospital
Hospital Batu Gajah
9. Pengarah Hospital
Hospital Cangkat Melintang
10. Pengarah Hospital
Hospital Kampar
11. Pengarah Hospital
Hospital Parit Buntar
12. Pengarah Hospital
Hospital Selama
13. Pengarah Hospital
Hospital Sg Siput
14. Pengarah Hospital
Hospital Tapah
15. Pengarah Hospital
Hospital Bahagia Ulu Kinta

Kuala Lumpur & W.P Putrajaya

1. Pengarah Hospital
Hospital Kuala Lumpur
2. Pengarah Hospital
Hospital Putrajaya
3. Pengarah Hospital
Hospital Rehabilitasi Cheras
4. Pengarah
Institut Perubatan Respiratori

- Selangor**
1. Pengarah Hospital
Hospital Tengku Ampuan Rahimah
 2. Pengarah Hospital
Hospital Ampang
 3. Pengarah Hospital
Hospital Kajang
 4. Pengarah Hospital
Hospital Selayang
 5. Pengarah Hospital
Hospital Serdang
 6. Pengarah Hospital
Hospital Sg.Buloh
 7. Pengarah Hospital
Hospital Banting
 8. Pengarah Hospital
Hospital Kuala Kubu Baru
 9. Pengarah Hospital
Hospital Tanjung Karang
 10. Pengarah Hospital
Hospital Sabak Bernam
 11. Pengarah Hospital
Hospital Orang Asli Gombak
 12. Pengarah Hospital
Hospital Shah Alam

- Melaka**
1. Pengarah Hospital
Hospital Melaka
 2. Pengarah Hospital
Hospital Alor Gajah
 3. Pengarah Hospital
Hospital Jasin

5. Pengarah
Institut Kanser Negara

- Negeri Sembilan**
1. Pengarah Hospital
Hospital Tuanku Jaafar
 2. Pengarah Hospital
Hospital Tuanku Ampuan Najihah
 3. Pengarah Hospital
Hospital Port Dickson
 4. Pengarah Hospital
Hospital Tampin
 5. Pengarah Hospital
Hospital Jelebu
 6. Pengarah Hospital
Hospital Jempol

Johor

1. Pengarah Hospital
Hospital Sultanah Aminah
2. Pengarah Hospital
Hospital Sultan Ismail
3. Pengarah Hospital
Hospital Sultanah Nora Ismail
4. Pengarah Hospital
Hospital Pakar Sultanah Fatimah
5. Pengarah Hospital
Hospital Segamat
6. Pengarah Hospital
Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom
7. Pengarah Hospital
Hospital Kota Tinggi
8. Pengarah Hospital
Hospital Kulai
9. Pengarah Hospital
Hospital Mersing
10. Pengarah Hospital
Hospital Pontian
11. Pengarah Hospital
Hospital Tangkak

- Pahang**
1. Pengarah Hospital Hospital Tengku Ampuan Afzan
 2. Pengarah Hospital Hospital Sultan Haji Ahmad Shah
 3. Pengarah Hospital Hospital Kuala Lipis
 4. Pengarah Hospital Hospital Bentong
 5. Pengarah Hospital Hospital Pekan
 6. Pengarah Hospital Hospital Jerantut
 7. Pengarah Hospital Hospital Muadzam Shah
 8. Pengarah Hospital Hospital Rompin
 9. Pengarah Hospital Hospital Cameron Highlands
 10. Pengarah Hospital Hospital Jengka
 11. Pengarah Hospital Hospital Raub

- Labuan**
1. Pengarah Hospital Hospital Labuan

12. Pengarah Hospital Hospital Permai

- Terengganu**
1. Pengarah Hospital Hospital Sultanah Nur Zahirah
 2. Pengarah Hospital Hospital Kemaman
 3. Pengarah Hospital Hospital Dungun
 4. Pengarah Hospital Hospital Besut
 5. Pengarah Hospital Hospital Hulu Terengganu
 6. Pengarah Hospital Hospital Setiu

- Kelantan**
1. Pengarah Hospital Hospital Raja Perempuan Zainab II
 2. Pengarah Hospital Hospital Kuala Krai
 3. Pengarah Hospital Hospital Tanah Merah
 4. Pengarah Hospital Hospital Gua Musang
 5. Pengarah Hospital Hospital Jeli
 6. Pengarah Hospital Hospital Machang
 7. Pengarah Hospital Hospital Tumpat
 8. Pengarah Hospital Hospital Pasir Mas
 9. Pengarah Hospital Hospital Pasir Puteh

Sabah

1. Pengarah Hospital
Hospital Queen Elizabeth I
2. Pengarah Hospital
Hospital Queen Elizabeth II
3. Pengarah Hospital
Hospital Wanita & Kanak-kanak, Likas
4. Pengarah Hospital
Hospital Tawau
5. Pengarah Hospital
Hospital Sandakan
6. Pengarah Hospital
Hospital Lahad Datu
7. Pengarah Hospital
Hospital Keningau
8. Pengarah Hospital
Hospital Beaufort
9. Pengarah Hospital
Hospital Kota Marudu
10. Pengarah Hospital
Hospital Beluran
11. Pengarah Hospital
Hospital Kinabatangan
12. Pengarah Hospital
Hospital Kota Belud
13. Pengarah Hospital
Hospital Kuala Penyu
14. Pengarah Hospital
Hospital Kudat
15. Pengarah Hospital
Hospital Kunak
16. Pengarah Hospital
Hospital Papar
17. Pengarah Hospital
Hospital Pitas
18. Pengarah Hospital
Hospital Ranau
19. Pengarah Hospital
Hospital Semporna
20. Pengarah Hospital
Hospital Sipitang

Sarawak

1. Pengarah Hospital
Hospital Umum Sarawak
2. Pengarah Hospital
Hospital Miri
3. Pengarah Hospital
Hospital Sibiu
4. Pengarah Hospital
Hospital Bintulu
5. Pengarah Hospital
Hospital Kapit
6. Pengarah Hospital
Hospital Limbang
7. Pengarah Hospital
Hospital Sarikei
8. Pengarah Hospital
Hospital Sri Aman
9. Pengarah Hospital
Hospital Mukah
10. Pengarah Hospital
Hospital Bau
11. Pengarah Hospital
Hospital Betong
12. Pengarah Hospital
Hospital Daro
13. Pengarah Hospital
Hospital Dalat
14. Pengarah Hospital
Hospital Kanowit
15. Pengarah Hospital
Hospital Lawas
16. Pengarah Hospital
Hospital Lundu
17. Pengarah Hospital
Hospital Marudi
18. Pengarah Hospital
Hospital Saratok
19. Pengarah Hospital
Hospital Serian
20. Pengarah Hospital
Hospital Simunjan

Sabah

21. Pengarah Hospital
Hospital Tambunan
22. Pengarah Hospital
Hospital Tenom
23. Pengarah Hospital
Hospital Tuaran
24. Pengarah Hospital
Hospital Mesra Bukit Padang

Sarawak

21. Pengarah Hospital
Hospital Sentosa
22. Pengarah Hospital
Hospital Rajah Charles Brooke Memorial



GARIS PANDUAN PENUBUHAN UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI HOSPITAL DAN INSTITUSI PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



1.0 PENGENALAN

Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) di peringkat Hospital dan Institusi Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia perlu ditubuhkan bagi memenuhi keperluan perundangan Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 (Seksyen 11-17). Berdasarkan akta tersebut, Kementerian Kesihatan Malaysia seperti juga lain-lain majikan adalah bertanggungjawab di atas keselamatan dan kesihatan para pekerjanya dan juga orang awam yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan di hospital.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Merancang serta menyelaraskan aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan peringkat hospital.
- 2.2 Memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan anggota perubatan yang sedang bekerja terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti pekerjaan.
- 2.3 Melindungi orang-orang di tempat kerja selain daripada orang-orang yang sedang bekerja (anggota perubatan) terhadap risiko keselamatan atau kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti pekerjaan.
- 2.4 Meningkatkan kerjasama antara majikan dan pekerja melalui komunikasi dua hala yang berkesan.
- 2.5 Mewujudkan suatu persekitaran pekerjaan yang kondusif bagi anggota perubatan yang disesuaikan dengan keperluan fisiologi dan psikologi mereka.

3.0 FUNGSI

- 3.1 Fungsi Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah berdasarkan kepada peruntukkan di bawah "Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan" Bahagian III: Fungsi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (Seksyen 11)

3.2 Peruntukan ini menyatakan bahawa Unit Keselamatan dan Kesihatan sesuatu tempat kerja hendaklah:

- Mewujudkan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berterusan dan teratur selaras dengan kehendak undang-undang negara.
- Mewujudkan kawasan dan suasana kerja yang selamat, sihat dan sejahtera serta peralatan-peralatan keselamatan yang sesuai dan mencukupi supaya tidak menimbulkan bencana keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
- Mengkaji dan menyemak tentang trend kemalangan, kejadian berbahaya, kemalangan nyaris, keracunan atau penyakit yang disebabkan pekerjaan yang berlaku di tempat kerja, dan melaporkan pada pihak pengurusan keadaan atau amalan yang tidak selamat atau tidak sihat di tempat kerja bersama-sama dengan cadangan untuk tindakan pembaikan berdasarkan *Notification Of Accident, Dangerous Occurrence, Occupational Poisoning and Occupational Disease Regulations 2004 (NADOPOD)*
- Mengkaji semula dasar keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan memberi cadangan kepada majikan bagi apa-apa untuk tindakan penyemakan semula dasar tersebut.
- Menimbang apa-apa laporan yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, audit keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dikemukakan oleh pegawai, laporan dan maklumat berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan laporan oleh agensi-agensi kerajaan lain mengenai perkara-perkara berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- Menjalankan pemeriksaan, penyiasatan & memantau prestasi keselamatan dan kesihatan tempat kerja.
- Memantau prestasi keselamatan dan kesihatan di peringkat Jabatan/Unit

4.0 CADANGAN STRUKTUR ORGANISASI DAN BILANGAN ANGGOTA UNIT

4.1 Cadangan Struktur Organisasi

4.1.1 Ketua Unit

Pegawai Perubatan atau Pegawai Perubatan Pakar Kesihatan Awam (Kesihatan Pekerjaan) hendaklah dilantik sebagai Ketua Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Hospital / Institusi KKM. Pegawai Perubatan tersebut hendaklah terlatih dalam menjalankan tugas-tugas keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan mengikuti kursus yang sewajarnya.

4.1.2 Anggota Unit

Anggota unit adalah terdiri dari Pegawai Perubatan dan Jururawat yang masih berkhidmat di hospital atau institusi berkenaan dan perlu mendapat latihan dalam bidang kesihatan pekerjaan .

4.2 Bilangan Anggota Unit

Bilangan anggota dalam Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah berdasarkan *Guidelines On Occupational Health Service Bil 04/2005* yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH):

4.2.1 Pegawai Perubatan

Norma Pegawai Perubatan yang ideal adalah 1:1000 orang pekerja. Sebagai contoh, bagi Hospital Kuala Lumpur yang memiliki 11000 orang pekerja, jumlah Pegawai Perubatan yang diperlukan adalah seramai 11 orang. Bagi hospital yang memiliki pekerja kurang dari 1000 orang, 1 orang Pegawai Perubatan sudah mencukupi bagi mentadbir unit tersebut.

4.2.2 Jururawat

Norma Jururawat yang ideal adalah turut ditetapkan kepada 1:1000 orang pekerja sama seperti norma Pegawai Perubatan.

4.2.3 Anggota Perubatan Lainnya dan Perkhidmatan Sokongan

Jumlah anggota perubatan lainnya dan perkhidmatan sokongan seperti Pembantu Pegawai Perubatan, Pembantu Perubatan Kesihatan, Pembantu Tadbir, Inspektor Kesihatan adalah atas budi bicara Ketua Jabatan dan keperluan perkhidmatan.

5.0 TANGGUNGJAWAB UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

5.1 Mesyuarat

Menjadi sekretariat Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan mengadakan mesyuarat seberapa kerap yang perlu setara dengan risiko terdapat dalam jenis kerja, tetapi tidak kurang satu (1) kali dalam setiap tiga (3) bulan. Agenda mesyuarat hendaklah membincangkan perkara-perkara berikut:

- Kajian tentang trend kemalangan, kemalangan nyaris (pemberitahuan kejadian, punca kejadian, cadangan dan pelaksanaan tindakan pembaikan)
- Membincangkan tentang pemerhatian dan laporan pemeriksaan di tempat kerja oleh UKKP (amalan tidak selamat, langkah pembetulan dan pelaksanaan tindakan pembetulan)
- Program-program keselamatan dan kesihatan seperti HIRARC, latihan, kempen dan kursus.

5.2 Audit keselamatan dan kesihatan bagi kemudahan kesihatan

Audit keselamatan dan kesihatan perlu dilakukan bagi menentukan aktiviti/aspek keselamatan dan kesihatan. UKKP hendaklah memastikan:

- Audit dilakukan berdasarkan format audit sedia ada
- Mengenal pasti hazard, Menilai dan Mengawal Risiko di Tempat Kerja (HIRARC)
- Memastikan semua kontraktor yang berurusan dengan hospital mematuhi segala peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

5.3 Penyiasatan kemalangan di tempat kerja

Penyiasatan kemalangan ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti punca sesuatu kemalangan di samping memastikan tindakan kawalan dan pencegahan dijalankan.

5.4 Penyiataan kes kekerasan di tempat kerja

UKKP memainkan peranan penting dalam mengawal selia kes kekerasan yang terjadi terhadap anggota perubatan memandangkan perkara tersebut merupakan salah satu dari risiko pekerjaan. Satu garis panduan akan diwujudkan di mana UKKP bertanggungjawab dalam melaksanakan proses notifikasi dan membantu mangsa menyelesaikan kes kekerasan tersebut.

5.5 Menjalankan Aktiviti Keselamatan dan Kesihatan

Berdasarkan Seksyen 15(c) AKKP 1994, UKKP perlu merancang dan melaksanakan kursus/bengkel yang berkaitan dengan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

6.0 IMPLIKASI KEWANGAN DAN SUMBER MANUSIA

Penubuhan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Hospital dan Institusi KKM adalah **tidak melibatkan implikasi kewangan** dan **menggunakan perjawatan sedia ada**.

7.0 KESIMPULAN

Jawatankuasa UKKP yang aktif dapat membantu majikan dengan berkesan untuk memastikan tempat kerja adalah selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan pekerja-pekerja. Untuk mencapai tahap kerjasama yang berkesan pihak majikan hendaklah memainkan peranan utama dengan menunjukkan minat melibatkan secara aktif dan memberi publisiti secara meluas kepada semua pihak mengenai program yang dijalankan serta keputusan yang di buat oleh jawatankuasa.

8.0 PERTANYAAN DAN MAKLUMBALAS

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia**

Tel: 03-88831215/1243

Fax:03-88831176

E-mail: jkkposha@gmail.com